

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2015

SOALAN :

YB. Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah kesan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia terhadap kemasukan pelancong ke Malaysia.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2015, Malaysia telah menerima seramai **12.57 juta** orang pelancong asing iaitu penurunan sebanyak **9.4 peratus** berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2014 iaitu seramai **13.88 juta** orang pelancong asing.

Dalam keadaan biasa, kesan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia akan meningkatkan ketibaan pelancong kerana pelancong mempunyai lebih wang untuk berbelanja apabila bercuti di Malaysia. Namun, kesan kejatuhan nilai ringgit bukanlah hanya satu faktor sahaja yang boleh mempengaruhi keputusan pelancong-pelancong dalam memilih sesebuah destinasi percutian.

Dalam hal ini, penurunan dalam ketibaan pelancong ini adalah disebabkan oleh beberapa situasi global yang berlaku pada tahun 2014. Antaranya:-

1. Publisiti negatif dari media asing dan “travel advisory” dari beberapa negara berkenaan isu keselamatan negara akibat dari beberapa kes penculikan di Sabah yang melibatkan pelancong-pelancong dari China dan Taiwan;
2. Beberapa tragedi yang melibatkan syarikat penerbangan negara, seperti insiden MH370, MH17 dan QZ8507 telah mengakibatkan tahap keyakinan para pelancong terhadap syarikat penerbangan Malaysia berkurangan;

3. Kesan langsung syarikat Malaysia Airlines Berhad yang sedang menjalankan proses penstrukturran semula termasuk mengurangkan laluan penerbangannya; dan
4. Pengurangan bajet promosi dan penurunan nilai ringgit telah menyebabkan kos untuk menjalankan promosi dan pengiklanan di luar negara menjadi sangat mahal dan terhad.

Jumlah pelancong dari Singapura, yang merupakan penyumbang utama kepada jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia, juga menunjukkan penurunan yang agak besar kerana nilai Singapore Dollar yang stabil dan promosi serta kempen hebat oleh Singapore Airlines sempena kemerdekaan ke 50 republik itu telah memberi peluang untuk mereka melancong ke destinasi yang lebih jauh seperti New Zealand dan Eropah.

Tuan Yang di-Pertua

Bagi mengatasi masalah ini, beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan kembali ketibaan pelancong asing ke Malaysia. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah mengadakan "Tourism Recovery Lab" bersama penggiat industri pelancongan negara untuk mendapatkan kerjasama semua pihak dari segi tenaga dan sumber-sumber lain untuk menjalankan program-program promosi. Selain itu, beberapa program "recovery" yang dijangkakan memberi impak segera telah diadakan di beberapa buah pasaran utama seperti China, Jepun, Taiwan, Korea, Rusia, Australia, New Zealand dan Asia Tenggara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 30

**TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:**

- a) sehingga hari ini berapakah jumlah saman yang dikeluarkan melalui Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES), dan
- b) sehingga hari ini berapakah jumlah bayaran yang dibuat oleh Kerajaan kepada syarikat Beta Tegap Sdn Bhd dan ATES (M) Sdn Bhd yang menyediakan perkhidmatan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak *Automated Enforcement System* (AES) mula dilaksanakan pada 23 September 2012 sehingga 30 September 2015, sebanyak 2,144,921 saman telah dikeluarkan bagi kesalahan memandu melebihi had laju dan tidak mematuhi peraturan lampu isyarat.
- (b) Sehingga 25 Ogos 2015, Kerajaan telah membayar fi perkhidmatan (*Contract Service Fee*) kepada syarikat penyedia perkhidmatan AES sebanyak RM60,122,080.00. Perinciannya adalah seperti berikut:

| SYARIKAT | JUMLAH (RM) |
|---------------------|----------------------|
| ATES Sdn. Bhd | 27,181,584.00 |
| Beta Tegap Sdn. Bhd | 32,940,496.00 |
| JUMLAH | 60,122,080.00 |